

KEMPEN PB PINDAHAN BERTELEGRAF ASING

TERMA DAN SYARAT

“Kempen PB Pindahan Bertelegraf Asing ” (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran Syarikat 196501000672 [6463-H] (“PBB”) dan Public Islamic Bank Berhad No. Pendaftaran Syarikat 197301001433 [14328-V] (“PIBB”) Terma dan syarat di bawah (“Terma dan Syarat”) akan mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2025** hingga **30 Jun 2025**, termasuk kedua-dua tarikh atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB / PIBB (“Tempoh Kempen”).

2. Kelayakan

- 2.1 Peserta yang berikut layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) Semua pengguna Perbankan Dalam Talian Public Bank termasuk empunya tunggal yang mengekalkan Akaun Semasa atau Akaun Simpanan peribadi Konvensional (CASA) atau Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i Islam peribadi (CASA-i). Ini termasuk kakitangan tetap atau kontrak PBB, PIBB dan Public Investment Bank Berhad (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) Pelanggan bukan individu iaitu perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - b) Orang yang tidak waras;
 - c) Orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan
 - d) Orang yang akaunnya dipegang oleh PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.
- 2.3 Peserta yang Layak mesti mendaftar dirinya melalui Perbankan Dalam Talian Public Bank untuk menyertai Kempen ini.

- 2.4 Kempen ini diterima pakai bagi urus niaga **Kiriman Wang Keluar Dalam Talian iaitu Pindahan Bertelegraf Asing Luar (FTT)** yang dijalankan melalui Perbankan Dalam Talian Public Bank sahaja.
- 2.5 Urus niaga yang dibuat melalui Kiriman Wang Keluar FTT tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

3. Butir-butir Kempen

- 3.1 Peserta yang Layak boleh menikmati **diskaun sebanyak 50% bagi caj kabel** untuk semua urus niaga Kiriman Wang Keluar FTT yang dijalankan melalui Perbankan Dalam Talian Public Bank semasa Tempoh Kempen ini.
- 3.2 Diskaun sebanyak 50% bagi caj kabel untuk Kiriman Wang Keluar FTT itu adalah seperti yang berikut:

Amaun Urus niaga	Jenis Mata wang	Diskaun sebanyak 50% bagi Caj Kabel	Komisen setiap Urus niaga	Jumlah Caj
RM5,000 setara dan ke bawah	Semua Mata Wang bagi Tujuan Pendidikan	RM5	RM2	RM7
	SGD	RM7.50	RM2	RM9.50
	Mata Wang lain untuk Semua Tujuan	RM15	RM2	RM17
Lebih daripada RM5,000 setara	Semua Mata Wang bagi Tujuan Pendidikan	RM5	-	RM5
	SGD	RM7.50	-	RM7.50
	Mata Wang lain untuk Semua Tujuan	RM15	-	RM15
Melebihi RM10,000 setara (diterima pakai bagi tujuan Kiriman Wang Pekerja)	Semua Mata Wang	RM5	-	RM5

4. Terma dan Syarat Am

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal Kiriman Wang Keluar FTT, terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian Public Bank dan/atau apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini (termasuk apa-apa pindahan, perubahan dan/atau semakan pada terma dan syarat tersebut). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal Kiriman Wang Keluar FTT, terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian Public Bank dan/atau apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan PIBB dan keputusan PBB dan PIBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB dan PIBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini.
- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB dan PIBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat Peserta yang Layak yang diberi dalam borang kiriman wang tersebut bagi tujuan Kempen ini.
- 4.4 PBB dan PIBB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB atau PIBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.5 PBB dan PIBB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang ditawarkan dan/atau disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan PIBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengesahan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, berkaitan dengan Kempen ini.

- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan atau berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 4.8 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB / PIBB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran apa-apa urusan niaga yang dihantar melalui Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank atau yang dikesan dalam sistem PBB / PIBB, yang mungkin menyebabkan Peserta yang Layak dikeluarkan daripada proses pemilihan semasa Tempoh Kempen.
- 4.9 PBB dan PIBB berhak untuk:
- a) membuat penambahan, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa dan pindaan Terma dan Syarat tersebut akan diterima pakai bagi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi yang mengiklankan Kempen ini;
 - b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu hari (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB / PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB / PIBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB / PIBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB / PIBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung berikutan pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut.
- 4.10 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

4.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB / PIBB yang menyatakan bagaimana PBB / PIBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak dalam laman web PBB / PIBB atau di mana-mana cawangan PBB / PIBB.

Ruang Selebihnya Pada Muka Surat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong
